

Rekod Pengemaskinian Dokumen

Versi	Tarikh	Dicadang oleh	Diperaku oleh	Dilulus oleh	Catatan/Perubahan
1	16 Jan 2019	PPDM	JDM	PBPU	Kelulusan penubuhan JDM.
2	19 Feb 2020	PPDM	JDM	PBPU	Pindaan kali pertama: <ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi adalah NC atau Pegawai Utama. • Timbalan Pengerusi Pengarah PPDM.
3	09 Feb 2021	PPDM	JDM	PBPU	Pindaan kali kedua: <ul style="list-style-type: none"> • JPICT jawatankuasa induk JDM. • Kekerapan mesyuarat kepada 4 kali setahun.
4	01 Mac 2022	PPDM	JDM	JPU	Pindaan kali ketiga: <ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi adalah CIO. • Perubahan keahlian JDM.



TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS (JDM)

1.0 NAMA JAWATANKUASA

- 1.1 Jawatankuasa yang dicadangkan ialah **Jawatankuasa Data dan Maklumat Universiti Malaysia Sabah (JDM)**.

2.0 TUJUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA

- 2.1 Memastikan pembangunan strategi, penetapan dasar, prosedur dan keperluan berkaitan data dan maklumat dapat dilihat secara menyeluruh.
- 2.2 Menyatakan ketetapan pihak universiti berkaitan pengurusan data dan maklumat.

3.0 FUNGSI JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS

- 3.1 Melaksanakan visi dan arah tuju pengurusan data dan maklumat UMS.
- 3.2 Merancang strategi, dasar dan pemantauan pelaksanaan dasar data dan maklumat.
- 3.3 Memantau proses penyediaan, pengesahan, pengeluaran dan aspek teknikal berkaitan data dan maklumat.
- 3.4 Mencadangkan penambahbaikan proses pengurusan dan teknikal data dan maklumat.
- 3.5 Memantau pelaksanaan perkongsian, penyampaian data dan maklumat universiti dengan pihak ketiga.
- 3.6 Memantau proses analisis dan penghasilan laporan data dan maklumat.
- 3.7 Memantau klasifikasi kerahsiaan data dan maklumat universiti.
- 3.8 Memantau pengemaskinian data dan maklumat universiti dari semasa ke semasa.

4.0 JAWATANKUASA INDUK KEPADA JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS (JDM)

- 4.1 Jawatankuasa Pemandu ICT UMS (JPICT) adalah jawatankuasa induk bagi Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM).

5.0 KEAHLIAN JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS

5.1 Keahlian Jawatankuasa Data Dan Maklumat UMS adalah seperti berikut (rujuk Lampiran 1):

Pengerusi	: Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
Timbalan Pengerusi	: Pengarah Pusat Pengurusan Data dan Maklumat
Setiausaha	: Ketua Sektor Pengurusan Data, Pusat Pengurusan Data dan Maklumat
Urusetia	: Seksyen Data Strategik, Pusat Pengurusan Data dan Maklumat

Ahli-ahli tetap :

1. Pendaftar
2. Bendahari
3. Ketua Pustakawan
4. Penasihat Undang-Undang UMS
5. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
6. Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
7. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan
8. Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan
9. Pengarah Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri
10. Pengarah Pusat Kelestarian dan Libatsama Masyarakat
11. Pengarah Penerbit UMS
12. Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar
13. Pengarah Pusat Alumni
14. Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
15. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat
16. Pengarah Pusat Pengantarabangsa dan Penglibatan Global
17. Pengarah Pusat Luar UMS
18. Pengarah Pusat Persediaan Sains & Teknologi
19. Ketua Bahagian Sumber Manusia
20. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
21. Ketua Bahagian Pentadbiran dan Governan
22. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
23. Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
24. Pengarah Hospital UMS
25. Pengarah Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf
26. Pengarah Pusat Pengurusan NR dan Fasiliti Perumahan Pelajar
27. Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik
28. Wakil Fakulti Komputeran dan Informatik

5.2 Pengerusi boleh dari masa ke semasa menjemput wakil lain untuk menghadiri mesyuarat.

- 5.3 Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat atas arahan Pengerusi.
- 5.4 Ahli JDM hendaklah menamakan wakil tetap sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat.

6.0 KRITERIA KEAHLIAN JDM

- 6.1 Semua JAFPIB Pemilik Data (merujuk pernyataan 7.0) adalah secara automatik dilantik sebagai ahli tetap JDM.
- 6.2 Mana-mana pegawai lain universiti yang dilantik dengan saranan Pengerusi JDM.

7.0 JAFPIB PEMILIK DATA

- 7.1 JAFPIB pemilik data terdiri daripada empat(4) kategori yang diperincikan pada **Lampiran 2:**
 - 7.1.1 Data pelajar
Merujuk kepada JAFPIB yang mempunyai fungsi menguruskan data berkaitan pelajar UMS.
 - 7.1.2 Data staf
Merujuk kepada JAFPIB yang mempunyai fungsi menguruskan data berkaitan staf UMS.
 - 7.1.3 Data penyelidikan, penerbitan dan inovasi
Merujuk kepada JAFPIB yang mempunyai fungsi menguruskan data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan inovasi UMS.
 - 7.1.4 Data kewangan
Merujuk kepada JAFPIB yang mempunyai fungsi menguruskan data berkaitan kewangan UMS.

8.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAFPIB PEMILIK DATA

- 8.1 Bertanggungjawab menyediakan data dan maklumat JAFPIB kepada Pusat Pengurusan Data dan Maklumat mengikut ketetapan Dasar Data dan Maklumat.
- 8.2 Bertanggungjawab ke atas data dan maklumat yang dibekalkan kepada Pusat Pengurusan Data dan Maklumat.
- 8.3 Memastikan data dan maklumat yang dibekalkan sentiasa yang terkini mengikut keperluan Pusat Pengurusan Data dan Maklumat.
- 8.4 Memastikan data dan maklumat disahkan di peringkat JAFPIB sebelum dihantar kepada Pusat Pengurusan Data dan Maklumat.
- 8.5 Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kerahsiaan data di dalam jagaan JAFPIB.

9.0 MESYUARAT JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS

9.1 Mesyuarat Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS akan dijalankan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau lebih mengikut keperluan.


10.0 KUORUM BAGI JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS

10.1 Pengerusi mesyuarat dan 1/3 daripada bilangan ahli atau wakil tetap hendaklah membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS.

11.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL DI BAWAH JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT UMS

11.1 Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS boleh menubuhkan jawatankuasa kecil tertentu untuk membantunya di dalam melaksanakan apa-apa keperluan selaras dengan fungsi Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM).

**LAMPIRAN 1 : STRUKTUR KEAHLIAN JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT
UMS (JDM)**



RAJAH 1: KEAHLIAN JAWATANKUASA DATA DAN MAKLUMAT

LAMPIRAN 2 : SENARAI JAFPIB PEMILIK DATA

JADUAL 1: SENARAI JAFPIB PEMILIK DATA

Bil.	Keterangan Data	JAFPIB Pemilik Data
1	Data Pelajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) 2. Pusat Luar UMS (PLUMS) 3. Pusat Pengajian Pascasiswazah (PASCA) 4. Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) 5. Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) 6. Pusat Pengantarabangsaan & Penglibatan Global (PPPG) 7. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) 8. Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) 9. Pusat Alumni (ALUMNI) 10. Pengarah Pusat Pengurusan NR dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF) 11. Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (PPKA)
2	Data Staf	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagian Sumber Manusia (BSM) 2. Hospital UMS (HUMS)
3	Data Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) 2. Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PIIP) 3. Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri (PKLI) 4. Pusat Kelestarian dan Libatsama Masyarakat (PKLM) 5. Penerbit UMS (PENERBIT) 6. Perpustakaan UMS (PERPUSTAKAAN)
4	Data Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Bendahari (BN) 2. Hospital UMS (HUMS) 3. Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf (CIEW)